

WAJAH Panjang Kamaruddin
iaitu pengasas minyak Afiat
digunakan sebagai sebagai
tanda dagang produk.

Kosmo. 22/1/12 MS 14.

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM
megatlutfi.rahim@kosmo.com.my

MINYAK urut jenama Afiat telah lama diketahui berkesan untuk mengatasi masalah terseliuh, kebas atau membetulkan perjalanan darah. Ia juga popular dalam mengembalikan kesihatan wanita lepas bersalin.

Terletak di Batu 30, Jalan Ipoh, Kuala Kangsar, Perak, syarikat Minyak Afiat Sdn. Bhd. telah beroperasi selama lebih 80 tahun. Ia diasaskan oleh Panjang Kamaruddin di Tambun.

"Nama 'afiat' itu diambil daripada ungkapan sihat walafiat. Imej lelaki memakai songkok pada produk Afiat pula merupakan gambar Haji Panjang Kamaruddin yang sngaja dipaparkan secara animasi," kata Pengarah Urusan Minyak Afiat, Ahmad Zakaria Khalid.

Zakaria berkata, asal-usul perniagaan itu memiliki sisi eksentrik. Cerita beliau, Panjang yang merupakan ketua sebuah kampung di Tambun tiba-tiba lumpuh kedua-dua belah kaki tanpa diketahui sebabnya.

Walaupun, pelbagai usaha dilakukan untuk memulihkan penyakitnya ia masih gagal. Hendak dijadikan cerita, pada suatu hari semasa Panjang sedang tidur, beliau bermimpi didatangi seorang tua berserban dan berjubah putih.

Mimpi

Orang tua itu menyuruh Panjang mengambil satu bungkusan putih yang di dalamnya mengandungi beberapa jenis herba.

Panjang diberitahu bahawa bungkusan putih itu tertanam di dalam tanah di hujung kampung dan perlu dicampurkan dengan minyak kelapa hijau sebelum disapu di tempat yang sakit.

Selepas itu, Panjang meminta anak saudaranya bernama Khalid Uda Ismail yang merupakan bapa Zakaria, mengambil bungkusan itu



MINYAK Afiat yang merupakan antara syarikat minyak urut tertua negara kini menggaji kira-kira 30 orang pekerja.



Mimpi lelaki tua berserban

Minyak Afiat masih menggunakan ramuan asal Haji Panjang Kamaruddin yang dimulakan pada tahun 1924.



SYARIKAT ini memperoleh persijilan ISO 9001:2000 daripada SIRIM QAS International pada April 2003.

sikalnya untuk pulang ke rumah dan menyapu luka jarinya dengan minyak Afiat. Tangannya berhenti berdarah dan pulih beberapa hari kemudian.

Selepas itu, Haji Seman menjadi ejen tidak rasmi mempromosikan minyak Afiat. Khalid juga dapat belajar daripada Haji Seman yang peramah cara-cara menjual minyak itu.

Ayam sabung

Sejak itu, cara pemasaran minyak Afiat mula berubah dengan Khalid menjualnya di pasar malam dan sekitar kampung di Perak.

Sama seperti babak menjual ubat di pasar,ambil menyanyi dalam

keesokan harinya.

"Bungkusan berkenaan mengandungi 40 jenis herba antaranya daun pucuk jambu, rambutan, pegaga dan pandan.

"Setelah ayah saya membawanya pulang, herba berkenaan dicampur dengan minyak kelapa hijau. Apa yang menghairankan, Panjang pulih daripada penyakit lumpuh tidak lama selepas diurut dengan minyak herba itu," cerita Zakaria.

Khalid mengkomersialkan mi-

nyak tersebut pada tahun 1924.

"Bagaimanapun, ayah saya seorang yang pendiam menyebabkan beliau sukar untuk menjual minyak itu," kata Zakaria.

Namun, satu kejadian pada penghujung tahun itu membuatkan Khalid bertukar peramah.

Menurut Zakaria, bapanya telah menjual sebotol minyak Afiat kepada sebarang tukang rumah yang dikenali sebagai Haji Seman di Pa-

rit Buntar.

Semasa ingin memaku bumbung rumah, Haji Seman terketuk jari telunjuk tangan kanannya menyebabkan ia berdarah.

"Kerana terlalu sakit, beliau menjerit hingga ramai penduduk pekan Parit Buntar mendengar suaranya. Ayat yang beliau gunakan ialah 'mana minyak Afiat, jari aku berdarah,'" ujar Zakaria.

Haji Seman mengayuh laju ba-

di pasar sambil mempunyai dalam filem *Do Re Mi* arahan Tan Sri P. Ramlee, medium yang sama digunakan oleh Khalid. Beliau bermain gambus.

"Malangnya ramai orang kampung kurang yakin dengan khasiat minyak itu, lalu mereka mencabar ayah supaya memulihkan kaki ayam sabung yang patah.

"Ayah saya menyapu minyak Afiat pada kaki ayam itu dan mengurungnya di dalam reban. Beberapa hari selepas itu kaki ayam itu pulih," cerita Zakaria lagi.

Setelah hampir 87 tahun beroperasi, syarikat Minyak Afiat kini mempunyai lebih 30 pekerja. Ia turut memperoleh persijilan ISO 9001:2000 daripada SIRIM QAS International pada April 2003.

Apa yang menarik, pelanggan mereka juga terdiri daripada kerabat diraja, bekas perdana menteri dan juga menteri besar.

"Ada kerabat diraja di sebuah negeri yang membeli secara berterusan dengan kami tetapi siapakah dia, adalah menjadi rahsia kami. Ada bekas perdana menteri dan menteri besar yang menggunakan produk kami hingga sekarang.

"Malah, bekas pegawai British ada yang membawa pulang minyak itu ke negara mereka apabila tidak lagi bertugas di Tanah Melayu," ujarnya.

Orang putih guna minyak Afiat

EKSEKUTIF Pemasaran Minyak Afiat Sdn. Bhd., Khasimah Ahmad Zakaria memberitahu, syarikat itu sedang menjalin kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengeluarkan produk terbaharu.

"Antaranya ialah gel mandian, syampu, salap dan krim Afiat. Malah, kami sedang berusaha untuk mengeluarkan produk minyak Afiat dalam bentuk beku untuk pasaran Eropah.

"Ini kerana ada permintaan yang baik bagi pasaran produk

kami terutamanya di Britain. Kami ingin buktikan minyak urut kami bukan bersifat kekampungan sebaliknya boleh dipasarkan di seluruh dunia," katanya.

Beliau turut bersyukur kerana permintaan pengguna terhadap produk set bersalin Afiat, jus halia madu dan minyak Afiat melebihi pengeluaran.

"Tetapi dengan kilang baharu yang bakal siap tidak lama lagi di Taiping, ia dijangka dapat menambah kapasiti pengeluaran produk," katanya.

Namun, cabaran yang dihadapi mereka bukan mudah.

"Dahulu tidak banyak farmasi serta kedai ubat Melayu. Hendak meletakkan barangan sahaja pun tidak diterima walaupun mereka tidak perlu membayarnya.

"Hinggakan kami terpaksa mengupah orang kampung supaya membeli minyak kami yang diletakkan di kedai ubat terbabit bagi meraih kepercayaan tauke kedai yang produk kami mempunyai pelanggan. Tetapi kini keadaan telah berubah," ujarnya.



KHASIMAH